

HIJRAH DAN TRANSFORMASI

Salam Maal Hijrah 1436. Setiap permulaan tahun baru hijrah, dunia Islam menyambut Maal Hijrah dengan mengambil sempena hijrah Rasulullah S.A.W dari Makkah ke Madinah. Setiap kali memasuki tahun baru Islam, umat Islam sepatutnya memiliki semangat baru untuk merancang dan melaksanakan hidup ini secara lebih baik dan teratur.

Hijrah Rasulullah S.A.W. bukan semata-mata proses perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain, tetapi memberi makna signifikan sebagai satu proses perpindahan atau transformasi dari satu keadaan ke satu keadaan yang lebih baik.

Sempena Maal Hijrah ini ramai yang berazam untuk berubah. Tetapi perubahan masih tidak disempurnakan kerana sikap masih berada di takuk lama. Yang tinggal hanyalah azam dan keinginan. Ingatkah anda pada azam tahun baru yang telah dirancang setiap tahun? Sudahkah anda merealisasikannya?

Manusia sifatnya adalah dinamik dan sentiasa bergerak ke hadapan untuk berdaya saing secara sihat meneruskan kehidupan. Justeru, kita mesti sentiasa berhijrah setiap masa bagi mengharapkan kehidupan lebih baik samaada di dunia mahupun di akhirat. Oleh itu, kita perlulah berusaha melakukan yang lebih baik dan mengharap rahmat Allah seperti dalam ayat 218 Surah Al-Baqarah yang menyentuh konsep hubungan hijrah dan kejayaan mendapat rahmat Allah SWT.

Disiplin dan istoqomah dalam melakukan perubahan amat diperlukan dalam menentukan kejayaan diri, keluarga dan organisasi. Seringkali kita meminta orang lain untuk berubah, terutama kepada anak-anak, pasangan dan kakitangan bawahan, sedangkan kita sendiri masih belum melaksanakan sebarang perubahan. Kita semua mahukan perubahan tetapi tidak tahu bagaimana dan dari mana hendak memulakannya dan bimbang perubahan itu tidak akan kekal lama. Maka di sini mari kita berkongsi cara-cara memulakan perubahan dan berhijrah.

- i. Mulalah dengan mengubah diri sendiri supaya anda menjadi lebih yakin. Orang lain juga akan lebih yakin dengan diri anda kerana tidak mungkin jika anda mahu mengajak orang lain untuk berubah sedangkan diri anda sendiri tidak memulakannya dan masih berada pada takuk lama.
- ii. Mula melakukan perubahan secara perlahan-lahan. Tidak dinafikan sememangnya sukar untuk terus berubah dalam masa yang singkat atau dalam tempoh sekelip mata saja. Jika ia dilakukan secara perlahan-lahan, dengan izin Allah S.W.T anda akan dapat berubah seperti apa yang anda inginkan. Walaupun perlahan, anda akan dapat mengalami perubahan yang besar dalam diri anda.
- iii. Lakukan perubahan pada masa sekarang juga dan jangan bertangguh untuk tempoh lebih lama lagi. Ini kerana semakin lama bertangguh ia akan menjadi semakin malas dan semakin susah untuk melakukannya. Perkara yang kecil akan jadi lebih besar jika ia terus dibiarkan. Jadi, ambillah masa yang ada sekarang untuk berubah dan mendapat hasil yang baik pada masa akan datang.

- iv. Berusaha untuk berubah dengan niat yang ikhlas dan melakukannya dengan bersungguh-sungguh. Anda perlu memaksa diri anda untuk berubah dengan sepenuh hati. Jika diri anda tidak dipaksa, anda seolah-olah memanjakan diri anda untuk berubah. Nafsu anda juga akan menjadi semakin degil jika tidak dipaksa. Kawal nafsu anda dan jangan biarkan ia mengawal diri anda.
- v. Apabila berjaya melakukan perubahan diri maka anda perlu mengulangi perubahan itu sehingga ia menjadi sehati dengan diri. Jika perubahan itu hanya dibiarkan begitu saja, anda hanya akan berjaya untuk berubah seketika sahaja.

Peristiwa hijrah adalah “modul latihan” transformasi diri yang ditontonkan oleh Rasul untuk kita contohi dan diamalkan dalam kehidupan sebenar kita hari ini. Kerana itulah perkataan 'HIJRAH' itu sendiri disebut berulang-ulang kali dalam Al-Quran. Contohnya dalam Surah Al-Baqarah ayat 218 dan An-Nisaa' 4:100. Begitu besarnya kisah hijrah rasul, semoga kisah ini dapat menjana ke arah transformasi hijrah diri agar menjadi insan yang lebih baik.

Inilah asas mengapa kita perlu HIJRAH DIRI! Transformasi inilah yang diperlukan, kesedaran inilah yang dimahukan. Nilai penghijrahan perlu menjadi ilham untuk transformasi diri, keluarga dan masyarakat bagi memastikan agenda Islam itu sebagai cara hidup merangkumi semua aspek. Hijrah adalah suatu keperluan. Ia berlaku sepanjang zaman. Transformasi adalah suatu tuntutan kerana perkembangan terkini terutama dalam bidang keilmuan dan kepakaran. Wasatiyyah adalah suatu pendekatan bagaimana hijrah boleh berlaku dan transformasi mengambil tempat secara berhemah dan bijaksana. Oleh itu, jangan sia-siakan perubahan yang dilakukan. Anda perlu sentiasa melakukannya.

Kesimpulannya, sempena sambutan Maal Hijrah ini ini maka marilah kita tingkatkan keimanan dan tekad berubah menjadi lebih baik dalam segala hal kerana ia sangat dituntut dalam Islam. Jangan pula berubah kerana disebabkan orang lain. Setiap yang diamalkan perlu dilakukan dengan penuh ikhlas demi kebaikan diri sendiri. Untuk kepentingan negara pula, maka marilah kita mempertingkatkan usaha menjayakan transformasi seperti yang dihasratkan kerajaan. Produktiviti serta kualiti kerja harus dipertingkatkan. Ayuh mulakan hijrah!